

SUMBANGAN GERAKAN *ISLAH* TERHADAP PERKEMBANGAN NASIONALISME DAN PENDIDIKAN ISLAM DI TANAH MELAYU¹

THE CONTRIBUTION OF THE ISLAH MOVEMENT TO THE DEVELOPMENT OF NATIONALISM AND ISLAMIC EDUCATION IN PRE-INDEPENDENT MALAYSIA

Hafiz Zakariya

Jabatan Sejarah dan Tamadun, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
(Email: hafizz@iium.edu.my)

Received date: 22-09-2019

Revised date: 24-10-2019

Accepted date: 29-10-2019

Published date: 12-12-2019

To cite this document: Zakariya, H. (2019). Sumbangan Gerakan *Islah* Terhadap Perkembangan Nasionalisme dan Pendidikan Islam di Tanah Melayu. *International Journal of Heritage, Art and Multimedia*, 2(7), 12-23.

DOI: 10.35631/ijham.27002

Abstrak: Kemunculan gerakan *Islah* di Tanah Melayu pada awal abad dua puluh mencabar status quo dan institusi-institusi keagamaan dan pemerintahan yang sedia ada. Justeru itu sebahagian umat Islam mencurigai kehadiran reformis dalam masyarakat. Ini ekoran pegangan mereka yang kontroversi terutamanya dalam isu fiqh yang tidak berpegang kepada mazhab Shafi'i yang diikuti oleh majoriti umat Islam bukan sahaja di Tanah Melayu bahkan di Nusantara seluruhnya. Dalam arus kontroversi sebegitu, sumbangan mereka mungkin tidak mendapat pengiktirafan yang sewajarnya. Justeru itu, makalah ini membincangkan sebahagian daripada peranan dan sumbangan gerakan *Islah* terhadap masyarakat di Tanah Melayu. Terdapat penulis yang menyatakan golongan *Islah* gagal dalam misi mereka di Tanah Melayu, kajian ini meneliti semula sumbangan gerakan *Islah* di Tanah Melayu terutamanya dengan mengambil kira sumbangan jangka panjang terhadap perkembangan masyarakat di Tanah Melayu.

Kata Kunci: Gerakan *Islah*, *Islah* di Malaysia, Islam di Malaysia, Konflik Kaum Muda-Kaum Tua

¹ Makalah ini adalah satu penambahbaikan kepada kertas kerja yang dibentangkan dalam Nadwah Ulama Nusantara VIII, anjuran Kerajaan Negeri Sarawak, Majlis Islam Sarawak dan Fakulti Pengajian Islam, UKM, di Kucing, Sarawak pada 23-25 Oktober, 2018.

Abstract : *The advent of the Islah movement in Malay Peninsula during the early twentieth century challenged the status quo and the existing political and religious institutions. It created a major controversy and tension between the reformists and those supporting the existing order. Consequently, some Muslims were suspicious of the reformists. This was primarily due to their non-adherence to the Shafi'i school of Islamic law, which was adopted by the majority of Muslims not only in Malay Peninsula, but the Nusantara in general. Amid such controversy, some people overlook and even dismiss the contribution of the reformists. Therefore, this article re-examines both the short and long-term contribution of the Islah movement to Malay society.*

Keywords: *Islah Movement, Muslim Reform In Malaysia, Kaum-Muda-Kaum Tua Dispute, Islam In Malaysia*

Pendahuluan

Secara umumnya, *Islah* merupakan usaha untuk mengembalikan sesuatu keadaan kepada suatu keadaan yg betul, tepat dan selaras dengan ajaran Islam yang sebenar (Kamus Dewan, 2010). Menurut Ibn Manzur, daripada segi bahasa, *Islah* adalah berlawanan kepada kerosakan (*fasad*). *Islah* ialah suatu fenomena yang berlaku sepanjang sejarah umat Islam. Kajian yang sedia ada sering membahagikan ulama di Tanah Melayu kepada dua kelompok utama iaitu tradisional (mereka yang berpegang kepada mazhab Shafi'i) dan reformis/*Islah*. Rata-ratanya, ulama berorientasikan *Islah* ditujukan kepada mereka yang dipengaruhi oleh pemikiran 'Abduh sedangkan individu serta gerakan yang menyumbangkan kepada proses *Islah* lebih luas dan tidak terhad kepada "Kaum Muda" sahaja. Contohnya, aliran pemikiran Islam yang dipengaruhi Shah Wali Ullah al-Dihlawi di Kelantan juga adalah sebahagian daripada rangkaian gerakan *Islah*. Namun secara praktikal, dalam makalah ini, gerakan *Islah* merujuk kepada golongan yang dipengaruhi oleh pemikiran 'Abduh, dipelopori oleh Sheikh Tahir Jalaluddin, Haji Abbas Taha dan lain-lain pada awal abad ke-20. Tarikh sebenar kemunculan aliran tersebut di Tanah Melayu tidak dapat dikenal pasti secara tepat. Secara umumnya, ia muncul pada awal abad ke-20. Tahun 1906 dianggap tarikh penting dalam gerakan *Islah* dengan terbitnya majalah *al-Imam* di Singapura. Gerakan *Islah* di Tanah Melayu muncul sebagai suatu tindak balas dalaman (*internal response*) terhadap fenomena kemunduran umat Islam di negara ini. Ia berlaku dalam suasana pencerobohan penjajah Barat terhadap Tanah Melayu, banjir jumlah kaum imigran yang ramai serta pencapaian ekonomi Melayu yang keterbelakangan berbanding dengan kaum imigran lain. Justeru itu para pelopor *Islah* percaya bahawa umat Islam sedang mengalami kemunduran dan krisis yang parah. Mereka berkeyakinan bahawa usaha-usaha *Islah* adalah penting untuk mengembalikan masyarakat ke landasan yang betul. Dalam menjalankan usaha *Islah* tersebut, mereka menekankan pemulihan ajaran Islam yang murni dalam masyarakat dan pengubahan sikap agar mereka dapat keluar dari belenggu kemunduran ekonomi dan kebekuan intelektual.

Gerakan *Islah* di Tanah Melayu berpusat di kawasan bandar terutamanya di negeri-negeri Selat, di mana dengan ketiadaan Raja-Raja Melayu, kaum *Islah* dapat menyebarkan pemikiran dan menjalankan aktiviti-aktiviti secara lebih bebas. Menurut Roff (1967, h. 82) Singapura dan Pulau Pinang menjadi "sanctuaries or sniping posts for those who were in conflict with the religious authorities in the states and in addition, as the only sizable urban concentrations of Muslims, provided a ready audience for doctrines of the new style"

Kaum *Islah* yang dipelopori oleh Sheikh Tahir dan Syed Sheikh al-Hadi di Tanah Melayu dipengaruhi oleh pemikiran Muhammad ‘Abduh. Menurut Roff (1967, h. 213) “It (*al-Imam*) was deeply and directly influenced by *al-Manār Salafīyya* movement in Cairo (on whose journal of that name it was modeled, and whose contents it often reproduced), and its links with Middle East are further reflected in its promotion of the first modern-style Islamic school.” Majalah *al-Imam* merupakan antara bukti lain menunjukkan pengaruh ‘Abduh ke atas golongan *Islah* di Tanah Melayu. Banyak artikel yang disiarkan dalam *al-Imam* adalah terjemahan dan olahan ide-ide yang asalnya muncul di majalah *al-Manār*. Sebagai contoh, bahagian pengarang dalam keluaran ke-12 yang menyatakan pendirian al-Imam sebagai musuh ketat kepada sebarang bentuk *bid’ah*, kepercayaan karut dan taklid kepada budaya asing mungkin bersumber daripada objektif *al-Manar* yang disediakan oleh Rashid Rida. Artikel *al-Imam* dalam keluaran pertama bertajuk Tugas yang Sepatutnya berkemungkinan besar ialah olahan ucapan ‘Abduh yang disampaikan di Beirut (Othman, 1994).

Kemunculan gerakan *Islah* memberikan cabaran besar terhadap institusi dan amalan agama yang sedia ada kerana golongan *Islah* mengkritik sistem-sistem yang sedia ada di Tanah Melayu. Tindakan gerakan *Islah* menyeru supaya umat Islam kembali kepada sumber-sumber ajaran Islam – Qur’an dan Sunnah secara langsung berbanding dengan mengikut pandangan mazhab Shafi’i mewujudkan sebuah kontroversi besar dalam masyarakat. Justeru itu, golongan *Islah* dipandang dengan penuh curiga dan sebahagian aktiviti mereka diboikot oleh umat Islam arus perdana di Tanah Melayu.

Di tengah kontroversi yang panas sebegitu, sumbangan gerakan *Islah* kepada masyarakat sering dilupakan. Justeru itu, makalah ini menganalisis peranan dan sumbangan gerakan *Islah* terhadap masyarakat dalam dua bidang: pembentukan semangat kebangsaan dan proses pembaikan sistem pendidikan Islam.

Sorotan Literatur

Kajian-Kajian Awal tentang Islah di Tanah Melayu

Persoalan *Islah* di Tanah Melayu menarik minat banyak kajian. Sorotan literatur ini tidak memberikan sebuah analisis menyeluruh dan mendalam tentang topik ini. Sebaliknya, ia menganalisis kajian-kajian terawal tentang *Islah* di Tanah Melayu yang dilakukan pada 1960an hingga 1980an. William Roff (1962) melalui makalah bertajuk “Kaum Muda-Kaum Tua: Innovation and Reaction amongst the Malays, 1900-1941” memberikan sebuah gambaran umum terhadap kemunculan gerakan *Islah* di Malaya. Ia turut membincangkan biografi ringkas pemimpin gerakan *Islah* seperti Tahir Jalaluddin, Syed Sheikh al-Hadi, dan Abbas Taha. Roff menyatakan bahawa golongan reformis di Malaya telah dipengaruhi oleh pemikiran Muhammad ‘Abduh. Beliau menambah bahawa walaupun para reformis Muslim memberikan sumbangan penting dalam membangkitkan semangat kesedaran umat Islam di Malaya, ia gagal menubuhkan sebuah gerakan massa yang mampu membawa perubahan secara meluas. Bila makalah ini mula diterbitkan kira-kira 60 tahun yang lalu, ia boleh dianggap sebagai karya yang menawarkan pandangan-pandangan yang baru terhadap perkembangan *Islah* di Malaya. Namun ia juga tidak memberi jawapan kepada beberapa persoalan penting. Sebagai contohnya, tahap pengaruh ‘Abduh ke atas reformis di Malaya tidak dianalisis secara mendalam. Makalah ini kemudiannya turut dimasukkan sebagai satu bab penting dalam karya William Roff yang terkenal, *The origins of Malay nationalism* (1967).

Zaki Badawi (1965) menghasilkan sebuah tesis Doktor Falsafah bertajuk *Modern Muslim Thought in Egypt and its Impact on Islam in Malaya*. Badawi membahagikan kajiannya kepada dua bahagian utama. Bahagian pertama yang merupakan fokus kajian ini membincangkan pemikiran Jamal al-Din al-Afghani, 'Abduh, and Rida. Namun Badawi hanya membincangkan kesan pemikiran Islam di Mesir terhadap Malaya secara sepintas lalu. Badawi memperuntukkan hanya enam (6) halaman membincangkan perkembangan Islah di Malaya manakala perbincangan umum tentang Islam di Malaysia juga ringkas sekitar tiga belas (13) halaman sahaja.

Sarim Mustajab (1975) *Islam dan Perkembangannya dalam Masyarakat Melayu di Semenanjung Tanah Melayu* memberikan sebuah analisis yang lebih mendalam terhadap perkembangan Islah di Malaya. Pengarang menggunakan kaedah *thematic* dalam membincangkan perkembangan Islam di Tanah Melayu, 1900-1940. Berbeza dengan Roff dan Badawi, Sarim membincangkan biografi tokoh-tokoh Islah secara lebih mendalam. Sarim tidak bersetuju dengan pandangan Roff bahawa reformis gagal membentuk persatuan massa di Tanah Melayu. Walaupun Sarim bersetuju bahawa perkembangan Islah mula pudar pada tahun 1930an; namun ia tidak berkubur begitu sahaja kerana idea-idea golongan reformis telah diambil oleh umat Islam yang beraspirasikan *Islah*. Kemudian, mereka telah menubuhkan persatuan-persatuan massa yang penting di Malaya. Melalui cara ini, aspirasi *Islah* tidak hilang begitu sahaja malah tetap berkembang dalam gerakan-gerakan massa yang ditubuhkan.

Sidek Hj. Fadzil (1978) *Ash-Shaykh Muhammad Abduh: Suatu tinjauan kritis terhadap pemikirannya dan rumusan mengenai pengaruhnya dalam masyarakat Melayu*, memberikan analisis yang mendalam terhadap pemikiran 'Abduh serta membincangkan pengaruh 'Abduh terhadap masyarakat Melayu dalam satu bab khas. Fadzil menyatakan bahawa pemikiran 'Abduh memberikan impak bermakna terhadap masyarakat Melayu. Kajian ini memberikan maklumat yang penting dalam memahami perkembangan Islah di Malaya.

Abu Bakar Hamzah (1981) *Al-Imam and Its Role in Malay Society 1906-1908* memberi tumpuan terhadap majalah reformis, *Al-Imam*. Ia membincangkan kandungan majalah ini secara mendalam. Bagaimanapun selain daripada analisis tentang *Al-Imam*, ia hanya membincangkan tokoh-tokoh *Islah* secara ringkas. Isu-isu lain yang berkaitan tentang *Islah* juga tidak dibincangkan dengan mendalam. Biar pun begitu, sumbangan utama Abu Bakar Hamzah ialah menyediakan sebuah dokumentasi mendalam tentang *al-Imam*.

Safie Abu Bakar (1985) *Muslim Religious Thought in Malaya, 1930-1940* menganalisis *trend* pemikiran yang lebih meluas di Malaya pada tempoh 1930-1940. Ia memberi tumpuan terhadap pemikiran 3 kelompok utama: tradisionalis; reformis; dan golongan berpendidikan Inggeris; dalam bidang kalam, *fiqh*, politik, sosial dan ekonomi. Safie membincangkan perkembangan pemikiran dan hubungkaitnya yang rapat dengan sejarah dan konteks realiti pada zaman tersebut. Beliau menyatakan bahawa perkembangan pemikiran Muslim pada zaman tersebut dipengaruhi oleh tiga masalah utama: kemunduran orang Melayu, kesan penjajahan dan perkembangan *Islah*.

Sebagai kesimpulan kajian-kajian awal yang dilakukan terhadap perkembangan *Islah* di Tanah Melayu banyak memberi manfaat kepada kita. Dalam masa yang sama, masih banyak

ruang untuk para pengkaji menyumbang dengan menumpukan kepada aspek yang tidak diterokai sepenuhnya oleh kajian-kajian terdahulu. Sebagai contohnya kajian sedia ada mengabaikan sejarah sosial penyebaran fahaman Islah di Malaya serta perbandingan perkembangan Islah di Malaya dan Indonesia. Dengan mengetahui jurang pengetahuan yang sedia ada, para pengkaji dapat memberi sumbangan dan tafsiran baru terhadap kajian Ilmiah tentang *Islah* di Malaysia.

Pemimpin dan Ahli Gerakan *Islah*

Pada mulanya, kebanyakan pemimpin-pemimpin utama *Islah* di Tanah Melayu berasal dari Indonesia, negara-negara Arab ataupun berdarah India-Muslim. Kemudian ia menarik minat masyarakat Melayu tempatan. Mereka yang dipengaruhi oleh gerakan *Islah* boleh dibahagikan kepada dua kelompok. Pertama, golongan yang mendapat pendidikan Islam sama ada di dalam atau luar Nusantara - terutamanya Asia Barat dan Asia Selatan. Tokoh-tokoh *Islah* daripada kumpulan ini diwakili oleh mereka seperti Sheikh Tahir, Syed Syeikh al-Hadi, Haji Abbas Taha dan Sheikh Abdullah al-Maghribi. Golongan kedua yang menyokong idea *Islah* terdiri daripada golongan bukan 'ulama yang tertarik dengan idea *Islah*. Mereka termasuk kakitangan kerajaan yang mendapat pendidikan Barat, wartawan, penulis dan cendekiawan seperti Za'ba. (Zakariya, 2011)

Masih kurang jelas berapakah jumlah sebenar mereka yang menyokong gerakan *Islah* di Tanah Melayu. Ini kerana penyokong-penyokong *Islah* tidak menubuhkan sebarang persatuan secara rasmi dan hanya tersusun secara longgar tanpa sebarang organisasi, keahlian dan struktur autoriti yang jelas (Safie Ibrahim, 1985). Sebaliknya, di Indonesia, salah sebuah gerakan *Islah* yang terkenal di sana, Muhammadiyah menubuhkan organisasi secara formal, serta mempunyai struktur, kepimpinan, keahlian dan perlembagaan yang jelas. Justeru tiada organisasi seumpamanya di Tanah Melayu bagi golongan *Islah* adalah sukar memberi data tepat tentang keahliannya. Justeru itu, kita tidak mengetahui jumlah sebenar mereka yang menyokong gerakan *Islah* di Tanah Melayu, dan hanya boleh membuat anggaran berdasarkan sumber-sumber yang sezaman.

Menurut Sidney dan Thompson (1926, h. 49) "a young Malay officer who is on probation in the government service...is one of a party known as the Young Malays, who are attempting to reform their elders and to bring order out to (*sic.* of) chaos. At the present (in the 1920's) there are fewer than a hundred of these young men, but they are beginning to make themselves felt." Virginia Thompson (1943) menyatakan bahawa "In the early postwar period the reformist were represented by Kaum Muda, a party of about a hundred young Malays from the nascent middle class who attempted to progress along the Western lines against the blind prejudices of their elders. The conservative group, Kaum Tua, simply wanted to return to the old ways, and denounced the reformists as worse than idolaters and Christians"

Maklumat-maklumat di atas mendakwa bahawa jumlah pengikut gerakan *Islah* adalah sangat kecil; Menurut anggaran Thomson sekitar 100 orang manakala Sidney mendakwa kurang dari 100. Bagaimanapun, Ibrahim Abu Bakar (1994) berhujah bahawa anggaran-anggaran yang diberikan oleh pemerhati-pemerhati Barat tersebut kemungkinan besar hanya mewakili keadaan dan jumlah di bandar-bandar utama di Tanah Melayu tidak termasuk kawasan luar bandar yang turut mempunyai pengikut-pengikut *Islah* biarpun tidak ramai. Jadi Ibrahim Abu Bakar menegaskan walaupun pengikut *Islah* ialah minoriti jumlah mereka melebihi anggaran yang diberikan oleh Thompson dan Sidney.

Persamaan pemikiran antara gerakan *Islah* di Tanah Melayu dan para reformis di Asia Barat bukanlah secara kebetulan. Bahkan karya-karya *Islah* dari Asia Barat dan hubungan dan rangkaian intelektual di antara mereka sudah wujud. Interaksi antara al-Manar dan Nusantara berlaku secara aktif pada awal kuruk ke-20. Contohnya pembaca-pembaca al-Manar di Nusantara menulis dan bertanyakan al-Manar tentang pelbagai persoalan: teologi, ekonomi, alam sekitar, politik dan kemajuan teknologi. Dialog ini menunjukkan interaksi yang aktif di antara dua dunia Islam: Asia Barat dan Nusantara.

Impak Gerakan *Islah* di Tanah Melayu

Adakah golongan *Islah* membawa impak yang besar dalam masyarakat Melayu? Bolehkah usaha mereka dianggap kejayaan atau kegagalan? Bagi menganalisis soalan-soalan tersebut, adalah penting kita bertanya kriteria apakah yang diguna pakai dalam menentukan tahap impak dan kejayaan *Islah* di Tanah Melayu. Adakah impak tersebut dinilai berdasarkan jumlah pengikut yang dipengaruhi aliran *Islah*? Jika itulah kayu ukurnya maka bolehlah kita menganggap gerakan *Islah* gagal kerana daripada segi kuantitinya, hanya golongan minoriti yang dipengaruhi oleh pemikiran *Islah*. Manakala majoriti kaum Muslim, sebaliknya memandang gerakan *Islah* secara negatif. Bagi menghalusi perkara ini, kita perlu memahami latar belakang sejarah dan politik tanah Melayu pada ketika itu yang menghalang golongan *Islah* daripada mencapai pengikut yang ramai.

Faktor pertama berkait rapat dengan struktur sosial masyarakat Tanah Melayu pada ketika itu. Adalah baik kita membuat perbandingan ringkas antara struktur sosial di Tanah Melayu dan Hindia Timur (Indonesia) pada zaman penjajahan dan bagaimana fenomena ini menyumbang kepada perkembangan gerakan *Islah* di kedua-dua tempat. Di Hindia Timur kemerosotan kuasa aristokrat tradisional sudah berlaku sejak awal kurun dua puluh apabila Belanda memberi kesempatan kepada rakyat Indonesia mendapat pendidikan Barat. Natiujahnya, muncullah golongan elit baru, sebagai produk pendidikan Belanda. Bahkan, kelas sosial yang baru juga tercipta ekoran diversifikasi ekonomi kolonial. (Benda, 1970)

Di bawah penjajahan Inggeris, sebaliknya, aristokrat tradisional dan secara umumnya, struktur sosial orang Melayu tidak terganggu, bahkan kekal utuh. Begitu juga diversifikasi ekonomi kolonial hanya memberi kesan kepada kaum imigran, bukan orang Melayu. Penerusan struktur sosial yang sedia ada dan pengekaluan kuasa tradisional aristokrat dan Raja-Raja, memperlambatkan proses kemunculan golongan elit baharu yang akan memimpin masyarakat Melayu. Keadaan-keadaan ini menjejaskan kelancaran perkembangan gerakan *Islah* kerana golongan penguasa tradisional masih berkuasa. Sebenarnya, di Hindia Timur sendiri penentangan terhadap *Islah* aliran ‘Abduh juga kuat, namun di sana kaum *Islah* tidak berhadapan dengan penguasa/aristokrat yang masih banyak mengekalkan kuasa tradisional mereka (Benda, 1970).

Lebih dari itu kedudukan pemimpin tradisional sebagai kuasa yang kuat dalam masyarakat Melayu diperkukuhkan lagi dengan proses birokrasi Islam. Ia bermula secara rancak dengan permulaan penjajahan Inggeris pada penghujung kurun ke-19 dan awal kurun ke-20. Memandangkan kuasa sekular Raja-Raja Melayu sudah merosot, Inggeris memberikan mereka kuasa penuh mentadbir hal ehwal budaya Melayu dan Islam. Kakitangan birokrasi Islam tersebut seperti Majlis Agama Islam secara eksklusifnya dilantik di kalangan ‘ulama’ tradisional. Golongan *Islah* dinafikan pelantikan itu kerana aliran ajaran Islam mereka dianggap merbahaya dan mengancam status quo. Biarpun begitu, tokoh ‘alim reformis, yang sangat dihormati hatta di kalangan ‘ulama’ tradisional seperti Syeikh Tahir sekurang-

kurangnya disenarai-pendekkan (*shortlisted*) untuk jawatan-jawatan penting dalam pentadbiran Islam di negeri-negeri Melayu. Melalui hubungan yang rapat dengan Sultan Idris Perak, Syeikh Tahir pernah dilantik sebagai penasihat agama dan Pembantu Qadi untuk tempoh yang singkat. Tetapi, golongan reformis tidak dilantik untuk jawatan-jawatan penting seperti *mufti* dan *Qadi* (Zakariya, 2005). Sesungguhnya, kerjasama yang erat di antara 'ulama' tradisional dan golongan elit pemerintah Melayu menjadi halangan yang besar dalam penyebaran aliran *Islah* di Tanah Melayu.

Bahkan golongan *Islah* turut menghadapi halangan oleh kuasa undang-undang negeri-negeri Melayu yang mengharamkan tulisan-tulisan golongan *Islah*. Untuk mengehadkan lagi penyebaran pemikiran *Islah* akta-akta yang mengekang kebebasan diperkenalkan. Sebagai contoh, pada 1904, The Muhammadan Laws Enactment, bahagian 9 menghalang sebarang bentuk ajaran agama dan penyebaran bahan cetak agama tanpa mendapat kelulusan (Majlis Agama) . Seterusnya pindaan akta tersebut pada tahun 1925, memberi amaran bahawa sesiapa yang mencetak penulisan agama tanpa kelulusan Raja-Raja boleh dipenjarakan atau didenda sebanyak \$200. (Khalil Hussein, 1958). Fatwa dan media rasmi mengecam ajaran-ajaran *Islah* sebagai ajaran yang menyeleweng dan di luar Islam. Sebahagian aktivis *Islah* dan penerbitan dihalang memasuki negeri-negeri Melayu.

Selain daripada keadaan sosial dan politik yang tidak membantu, pendekatan yang diambil sebahagian tokoh *Islah* dalam menyebarkan ajaran mereka juga menyebabkan masyarakat marah dan menjauhkan diri daripada gerakan *Islah*. Sebagai contoh, isu yang menerima perhatian besar golongan *Islah* ialah penekanan kepada kembali kepada *shariah* dan penolakan mengikut mazhab Shafi'i. Pendekatan ini memberikan lebih banyak keburukan kepada mereka. Ini kerana masyarakat Melayu sangat konservatif dan sangat kuat berpegang kepada mazhab Shafi'i. Oleh itu sebarang usaha menolak mazhab Shafi'i sering kali dianggap penolakan terhadap Islam sendiri dan semakin menjauhkan majoriti masyarakat Melayu daripada aliran Islam. Jelas pendekatan sedemikian tidak membantu mereka mendapatkan pengikut yang ramai di Tanah Melayu.

Ada pendapat yang menyatakan bahawa gerakan *Islah* mula sirna pada tahun 1930an dan peranan mereka dalam masyarakat Melayu "had been overtaken by secular and political movements (Roff, 1962). Pandangan ini dibuat atas alasan kaum *Islah* gagal untuk menubuhkan sebarang parti politik atau gerakan massa yang mampu membawa perubahan yang besar dalam masyarakat. Justeru itu mereka dianggap gagal dalam merealisasikan impian menyebarkan *Islah* di tanah Melayu. Hujah tersebut perlu dihalusi dan dikaji semula dengan teliti kerana ia kurang adil kepada kaum *Islah* kerana mereka perlu dinilai bukan sahaja berasaskan apa yang gagal dicapai tetapi faktor-faktor yang menyumbang kegalalan tersebut perlu dianalisis. Di samping itu, pencapaian-pencapaian utama mereka yang lain juga perlu diambil kira (Zakariya, 2011).

Walaupun gerakan *Islah* tidak mendapat penyokong-penyokong yang ramai, mereka pada hakikatnya membuat sumbangan yang amat besar kepada masyarakat Melayu. Pencapaian utama mereka ialah untuk menyedarkan atau mencetus kesedaran masyarakat Melayu tentang masalah sosial, ekonomi dan politik yang menghantui mereka. Melalui majalah-majalah dan tulisannya bertemakan *Islah*, mereka menulis tentang realiti masalah yang melanda masyarakat. William Roff (1967, h. 59) meringkaskan sumbangan kaum *Islah* seperti berikut:

Al-Imam was a radical departure in the field of Malay publications, distinguished from its predecessors both in intellectual stature and intensity of purpose and in its attempt to formulate a coherent philosophy of action for a society faced with the need for rapid social and economic change

Justeru gerakan *Islah* muncul pada awal kurun ke-20, ketika gerakan nasionalisme yang tersusun belum muncul di Tanah Melayu, membuatkan sumbangan mereka dalam meniupkan kesedaran masyarakat menjadi sangat penting. Menurut Soenarno (1960) melalui pemikiran-pemikiran mereka yang baharu dan kontroversi, kaum *Islah* telah menyedarkan masyarakat Melayu tentang masalah dan peristiwa yang berlaku pada ketika itu. Perkembangan ini membolehkan masyarakat Melayu didedahkan kepada persoalan politik yang membuka jalan dalam membentuk sikap dan pandangan politik Melayu. Lebih dari itu, kepentingan fasa *Islah* pada awal kurun ke-20, bolehlah dianggap sebagai fasa pranasionalisme di mana pemimpin-pemimpin Islam berperanan sebagai perintis kepada semangat nasionalisme di Tanah Melayu. Seterusnya kesedaran tersebut menjadi semakin berkembang dan diambil alih oleh para pemimpin sekular pada tahun 1920an (Soenarno, 1960; Zakariya, 2011).

Golongan *Islah* juga memberi sumbangan yang penting di bidang pendidikan. Majalah-majalah gerakan *Islah* seperti *al-Imam* dan *Saudara* memberi penekanan peri pentingnya pendidikan sebagai alat untuk umat Islam mencapai kemajuan. Menurut Wan Suhana (2016), banyak artikel dalam *Saudara* membincangkan peri pentingnya pendidikan, isu pelajar Melayu di sekolah-sekolah Melayu dan Inggeris, pendidikan Islam, pendidikan wanita dan sebagainya. Justeru itu adalah jelas bahawa isu pendidikan sangat penting bagi gerakan *Islah*. Para pemikir *Islah* yang merasakan pendidikan tradisional Islam yang ditawarkan di pondok tidak mencukupi untuk menyediakan generasi muda menghadapi cabaran zaman, menggesa agar pendidikan Islam menjalani proses penambahbaikan dan transformasi. Biarpun pondok memberikan sumbangan kepada masyarakat, ia perlu menjalani perubahan bagi memenuhi tuntutan zaman dan cabaran moden. Ini kerana sistem pondok menggalakkan pemikiran tidak kritikal seperti hafalan tanpa betul-betul memahami apa yang dihafal. Ia juga tidak tersusun dengan mengumpulkan para murid bersama tanpa mengambil kira umur dan tahap kebolehan mereka. Amalan sedemikian dan ketiadaan peperiksaan menyebabkan majoriti pelajar tidak begitu bersungguh-sungguh dalam pelajaran.

Melalui inspirasi pemikiran ‘Abduh, kaum *Islah* mahukan sistem sekolah yang lebih tersusun yang mempunyai pentadbiran tersusun dan moden. Golongan *Islah* telah mempopularkan sistem madrasah yang mengintegrasikan antara pendidikan agama dan ilmu moden. Sistem pendidikan yang tersusun dan bersepadu ini mendapat sambutan baik dan mula menjadi ikutan sistem pendidikan Islam di negara ini. Bahkan sistem ini menjadi perintis kepada sistem pendidikan keagamaan yang bersifat seimbang dan menyeluruh, terutamanya di sekolah aliran Sekolah Menengah Kebangsaan Agama yang masih wujud hingga hari ini. Tiga buah madrasah yang ditubuhkan sebelum Perang Dunia Kedua— Madrasah Iqbal Islamiyyah di Singapura; Madrasah al-Masyhur al-Islamiyyah di Pulau Pinang; dan Ma’had al-Ihya al-Sharif di Gunong Semanggol, Perak – memainkan peranan penting dalam penyebaran pemikiran *Islah* di Tanah Melayu bahkan menjadi model ikutan pendidikan Islam di Tanah Melayu pada ketika itu.

Madrasah Iqbal al-Islamiyyah ialah madrasah yang pertama ditubuhkan di Malaya . Ditubuhkan pada tahun 1908 di bawah naungan Raja Ali al-Ahmadi dari Riau, madrasah ini

mempunyai kurikulum yang luas merangkumi pelbagai subjek agama dan mata pelajaran moden (Ibrahim Abu Bakar, 1994). Pada awalnya majoriti gurunya didatangkan dari Mesir dan Uthman Raf'at Affandi dilantik menjadi pengetua madrasah. Madrasah Iqbal Islamiyyah di Singapura mempunyai kemudahan yang lengkap seperti kerusi, meja, jadual, sistem kelas berbeza dan kurikulum yang lengkap merangkumi mata pelajaran Islam dan subjek-subjek moden seperti pengetahuan am, ilmu alam, logik, falsafah dan biologi. (Sufean Hussin, 1993). Biarpun mempunyai sistem dan kurikulum sekolah agama yang terbaik di Malaya, madrasah menghadapi tentangan dan boikot daripada kalangan masyarakat Muslim tradisional. Justeru itu madrasah ini terpaksa ditutup setahun selepas dibuka kerana mengalami masalah kewangan dan telah dipindahkan ke Riau serta ditukarkan nama menjadi Madrasah al-Ahmadi (Wan Suhana, 2016).

Madrasah al-Masyhur al-Islamiyyah berkembang dari sekolah al-Qur'an yang didirikan oleh masyarakat Muslim berketurunan Arab di Pulau Pinang pada tahun 1916. Objektif asal madrasah al-Qur'an tersebut ialah untuk mengajar bacaan al-Qur'an serta ilmu fardhu ain (Ibrahim Abu Bakar, 1994). Antara pengasas madrasah tersebut ialah sayid Mazhar 'Aidid, Sheikh 'Ali Bawazir, Sayid Umar al-saqah, Sayid 'Umar Mazhar dan Sheikh Hassan Baghdadi. Dengan kedatangan Syed Sheikh al-Hadi ke Pulau Pinang pada tahun 1918, madrasah ini telah mengalami perubahan pentadbiran. Al-Hadi yang dilantik menjadi pengetua madrasah ini, berazam untuk memodenkan Madrasah al-Masyhur. Beliau mengesyorkan perubahan dalam sistem pembelajaran dan pengajaran di madrasah al-Qur'an tersebut. Lokasi madrasah ini telah berpindah dari Lebu Acheen ke sebuah tanah wakaf di Lebu Teck Soon (Ibrahim Abu Bakar, 1994). Bahkan madrasah ini diberi nama baru, Madrasah al-Masyhur al-Islamiyyah sempena nama seorang tokoh pemimpin Muslim di Pulau Pinang, Sayid al-Masyhur. Dari segi pentadbiran, lembaga pengelola sekolah telah ditubuhkan. Pengetua pertama Madrasah al-Masyhur adalah Al-Hadi sendiri yang memegang jawatan selama 3 tahun (Wan Suhana, 2016).

Madrasah al-Masyhur al-Islamiyyah, mengikut jejak langkah, madrasah Iqbal dengan menawarkan kurikulum pengajian yang menarik. Ia bukan hanya menawarkan subjek agama sahaja, tetapi juga menawarkan mata pelajaran moden seperti bahasa Inggeris. Sedapat yang mungkin, Madrasah al-Masyhur al-Islamiyyah di bawah pimpinan al-Hadi cuba melaksanakan sistem pendidikan sekolah Inggeris dan sekolah Melayu. (Roff, 2009). Ia juga menolak pendekatan pelajaran pondok yang menekankan hafalan. Sebaliknya, Madrasah al-Masyhur al-Islamiyyah mengintegrasikan aktiviti di luar kelas yang relevan untuk mempertingkatkan pengalaman pelajar seperti penglibatan dalam pidato awam dan debat (Wan Suhana, 2016).

Sewaktu ia memulakan operasi, madrasah ini bermula dengan hanya 100 orang pelajar, dan ekoran pencapaiannya yang memberangsangkan, jumlah pelajar meningkat tinggi. Para pelajar lepasan madrasah ini memiliki kualiti yang baik. Pada tahun 1920an dan 1930an, ramai lepasan madrasah ini telah berjaya melanjutkan pengajian mereka di pusat pengajian tinggi di Dunia Arab. Bahkan, pada tahun 1930an, Madrasah al-Masyhur menawarkan biasiswa yang ditaja oleh kerajaan Arab Saudi kepada 25 orang pelajar pada setiap tahun. Ekoran pesat membanggunya Madrasah al-Masyhur ini, cawangan-cawangan madrasah ini turut dibuka. Pada tahun 1934, Madrasah al-Masyhur Wanita dibuka, diikuti cawangan lain di Sabak Bernam dan Balik Pulau (Wan Suhana, 2016).

Madrasah al-Masyhur al-Islamiyyah menarik minat bukan sahaja pelajar dari Pulau Pinang tetapi juga dari negeri lain di Malaya, Thailand dan Kalimantan. Satu sumbangan penting Madrasah al-Masyhur al-Islamiyyah ialah ia mempengaruhi penubuhan madrasah-madrasah lain di Malaya sebelum Perang Dunia Kedua. Para pelajar yang menamatkan pelajaran dari madrasah ini dan selepas pulang dari pusat-pusat pengajian Islam di Asia Barat khususnya, menubuhkan madrasah yang memiliki ciri yang serupa dengan Madrasah al-Masyhur al-Islamiyyah. Antara madrasah seumpama itu ialah Madrasah al-Diniah di Kampung Lalang, Madrasah al-Falaliah, Madrasah Ijtihadiah, Madrasah al-Iqtisadiyah, Madrasah al-Masriah dan Madrasah di Padang Rengas. Kesemua madrasah ini menjadi pusat penyebaran pemikiran Islah di Tanah Melayu (Ibrahim Abu Bakar, 1994).

Struktur madrasah yang tersusun dan inovatif turut mempengaruhi perkembangan pendidikan Islam di Tanah Melayu. Melalui usaha perintis golongan *Islah*, sistem pendidikan Islam yang lebih tersusun berkembang dengan pesat di Malaya dari 1920 hingga 1940an (Roff, 1967). Pada ketika itu kira-kira 14 buah madrasah telah ditubuhkan di pelbagai tempat di Tanah Melayu. (Sufean, Hussin, 1993). Natijahnya, pendidikan Islam yang lebih formal dan tersusun semakin berkembang di Tanah Melayu. Madrasah yang pertama ditubuhkan ialah Madrasah Iqbal di Singapura pada 1907 dan pada tahun 1913, puluhan madrasah beroperasi di negeri Perak sahaja (Rosnani Hashim, 1996). Pada peringkat awal penubuhan madrasah oleh golongan *Islah* pada awal kurun ke-20, ia dibiayai secara sendiri oleh para dermawan. Bagaimanapun, setelah sistem madrasah berkembang pesat di tanah Melayu, sebahagian madrasah di Perak dan Terengganu dibiayai oleh Raja-Raja Melayu.

Tiada data yang tepat menunjukkan jumlah pelajar-pelajar di madrasah di seluruh negara pada ketika itu. Bagaimanapun, di negeri Kedah sahaja pada 1938 terdapat 24 buah madrasah dan 1,742 para murid. (Khoo Kay Kim, 1991). Ini boleh memberikan gambaran kepada kita bahawa besar kemungkinan jumlah keseluruhan pelajar dan madrasah di seluruh negeri Melayu pada ketika itu sekitar sepuluh kali ganda daripada jumlah yang terdapat di Kedah. Sesungguhnya, transformasi pendidikan Islam dan perkembangan sistem madrasah yang pesat dan diterima luas oleh segenap lapisan masyarakat Melayu sama ada reformis atau tradisional ialah suatu tanda sumbangan penting reformis terhadap pendidikan Islam di negara ini.

Kesimpulan

Pendirian gerakan *Islah* yang kontroversi terutamanya penolakan sikap *taqlid* kepada mazhab Shafi'i meminggirkan mereka daripada masyarakat Muslim arus perdana. Lebih dari itu, keberanian mereka mengkritik para pemimpin feodal termasuk Sultan, pembesar dan 'ulama' rasmi menyebabkan pemikiran mereka dianggap sebagai ancaman besar kepada *status quo*. Oleh sebab itulah, pemikiran dan peranan gerakan *Islah* dipandang dengan perasaan curiga; walhal biarpun terdapat pertikaian antara 'ulama' *Islah* dengan 'ulama' tradisional; gerakan *islah* turut memberikan sumbangan penting dalam masyarakat. Biarpun golongan *Islah* mempunyai kuantiti pengikut yang kecil, mereka telah membawa perubahan-perubahan penting dalam masyarakat terutamanya dalam merintis kesedaran nasionalisme serta memperbaiki sistem pendidikan keagamaan dengan mengemukakan model integrasi sebagai jalan tengah antara pondok dan sekolah Inggeris. Dengan cara itu, mereka yang mendapat pendidikan di madrasah yang bersifat seimbang dan holistik terdedah kepada isu-isu agama dan ilmu pengetahuan moden justeru dapat menangani cabaran-cabaran semasa yang dihadapi oleh umat Islam. Golongan *Islah* yang beroperasi di luar sistem politik dan pentadbiran keagamaan; berhadapan dengan pemerintah dan 'ulama' tradisional yang menguasai Majlis

Agama Islam membuatkan tugas mereka sangat mencabar. Justeru cabaran yang sedemikian getirilah, sumbangan mereka kepada masyarakat Melayu cukup bermakna sekali. Memandangkan hakikat tersebut, walaupun gerakan *Islah* mempunyai kelemahan-kelemahan tertentu, adalah tidak wajar usaha mereka dianggap gagal sama sekali. Sebaliknya mereka memberi sumbangan besar dalam membentuk perkembangan sikap keagamaan, pendidikan dan politik di negara ini.

Rujukan

- Abu Bakar, I. (1994). *Islamic modernism in Malaya: The Life and Thought of Sayid Syekh al-Hadi 1867-1934*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Abu Bakar, S. (1987). *Islamic Religious Thought in Malaya, 1930-1940* Ph.D. diss, Columbia University.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2010). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: DBP
- Hamzah, A.B. (1991). *Al-Imam: Its role in Malay society*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Hashim, R (1996). *Educational Dualism in Malaysia: Implications for Theory and Practice*. Kuala Lumpur: OUP.
- Henry, Benda. (1970). Southeast Asian Islam in the Twentieth Century *The Cambridge History of Islam*, vol.2, eds. P.M. Holt, et al. London: Cambridge University Press.
- Hussein, Mohd.Khalil (1958). "The Department of Religious Affairs, Perak" (B.A. honors academic exercise, University of Malaya.
- Hussin, S. (1993). *Pendidikan di Malaysia: Sejarah Sistem dan Falsafah*. Kuala Lumpur: DBP.
- Khoo Kay Kim (1991). *Malay Society: Transformation and Democratisation*. Petaling Jaya, Malaysia: Pelanduk Publications.
- Mustajab, M.S. (1975) *Islam dan Perkembangannya dalam Masyarakat Melayu di Semenanjung Tanah Melayu*. Tesis Sarjana, UKM.
- Othman, M.R. (1994). *The Middle East Influence on the Development of Religious and Political Thought in Malay Society, 1880-1940* Ph.D. diss., University of Edinburgh.
- Roff, W.R. (1962). *Kaum Muda Kaum Tua: Innovation and Reaction amongst the Malays, 1900-1940*. In *Papers on Malayan History*, edited by K. Tregonning. Singapore: Malay Publishing House.
- Sidney. (1926). *Malay Land "Tanah Melayu": Some Phases of Life in Modern British Malaya* London: Cecil Palmer.
- Sonenarno, R. (1960). *Malay Nationalism, 1900-1945*. *Journal of Southeast Asian History*. 1 (1960): 1-28.
- Virginia Thompson (1943). *Postmortem on Malaya* New York: The Macmillan Company.
- Wan Suhana Wan Sulong (2016). Transforming education through integration Islamic reformism and religious education in Malaya, 1906-1957. *Hamdard Islamicus*, 39 (1). pp. 35-59
- Zakariya, H. (2005). *Islamic Reform in Malaya: The Contribution of Shaykh Tahir Jalaluddin. Intellectual Discourse*, 13(1). Retrieved from <https://journals.iium.edu.my/intdiscourse/index.php/islam/article/view/120>
- Zakariya, Hafiz (2011). *Awakening the Malays from slumber: Islamic reform in twentieth century Malaya*. In A. R. Tang (Ed.) *Tradition modernity and Islam: Revisiting history across the regions in the nineteenth and twentieth century* (pp. 139-162). Kuala Lumpur, IIUM Press.
- _____ (1967). *The Origins of Malay Nationalism*. New Haven and London: Yale University Press.

- _____. (1998) Patterns of Islamization in Malaysia, 1890s-1990s: Exemplars, Institutions and Vectors. *Journal of Islamic Studies* 9(1998) :210-228.
- _____. (2009). *Studies on Islam and society in Southeast Asia*. Singapore: NUS Press.